

Mangsa banjir di Kelantan terus meningkat

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Jumlah mangsa banjir di Kelantan yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara terus meningkat kepada 1,817 orang daripada 502 keluarga, meskipun kebanyakan tempat tidak mengalami hujan sepanjang hari ini.

Bagaimanapun di Terengganu, jumlah mangsa di empat daerah yang dilanda banjir di negeri ini menurun kepada 696 orang berbanding 2,560 orang semalam berikutan cuaca agak baik walaupun mendung dan hujan sekali sekala.

Peningkatan jumlah mangsa di Kelantan berlaku di Pasir Mas, disebabkan air dari Sungai Golok di Rantau Panjang melimpah apabila hujan lebat di Selatan Thailand menyebabkan banyak kawasan rendah di daerah itu dinaiki air.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kawasan perniagaan bebas cukai di Rantau Panjang merupakan antara yang paling teruk dinaiki air dengan menyebabkan operasi perniagaan lumpuh sepenuhnya.

Keadaan di sepanjang jalan menuju ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) juga sesak selepas banyak kenderaan diletakkan di tepi jalan ekoran air yang melimpah menyebabkan jalan utama di situ turut tenggelam.

Sementara itu, portal rasmi banjir Kelantan, <http://ebanjir.kelantan.gov.my> sehingga pukul 6.30 petang ini melaporkan 22 pusat pemindahan banjir dibuka di enam daerah iaitu Pasir Mas sebanyak 11 pusat, Tanah Merah (lima), Kota Bharu (tiga) dan masing-masing satu di Tumpat, Pasir Puteh dan Bachok.

Seramai 1,108 mangsa daripada 333 keluarga telah dipindahkan di Pasir Mas diikuti Kota Bharu 438 orang membabitkan 102 keluarga.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, penyediaan sistem saliran dan perparitan yang sempurna bagi mengatasi masalah ban-

jir kilat akan dijadikan agenda utama Barisan Nasional (BN) sekiranya diberi peluang mentadbir kerajaan negeri pada pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, ia adalah sebahagian pembelaan kepada rakyat yang tinggal di kawasan rendah dan mudah dilanda banjir kilat akibat ketiadaan sistem saliran dan perparitan sempurna.

Beliau berkata, sebilangan besar rakyat terutama di kawasan perumahan terpaksa berpindah setiap kali musim tengkujuh apabila rumah mereka dinaiki air yang bertakung.

"Belum pun paras air di Sungai Kelantan melimpah tebing sudah ramai rakyat yang terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan apabila kediaman mereka dinaiki air," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan sebanyak RM300 setiap satu kepada 17 ketua keluarga mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Pak Badol dekat sini, hari ini.



BEBERAPA peniaga meneruskan perniagaan mereka walaupun banjir di pekan Rantau Panjang, Kelantan, semalam.